



## 38 sukarelawanan PEKA 5 anjur program *Lil' Elephant*

oleh: MUHAMMAD AKMAL HELMY BURHANUDDIN



Seramai 38 sukarelawanan Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama penduduk Kampung Beruas menganjurkan program kesukarelawanan *Lil' Elephant* anjuran Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman 5 (PEKA5), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Kampung (JKKK) Kampung Beruas di Pusat Konservasi Gajah, Lanchang, Temerloh, pada 21 Mei 2016 yang lalu.

Peserta berpeluang memerhati kehidupan anak gajah yang dilepaskan secara bebas dalam kawasan yang dipagari dengan pagar elektrik dan menonton video dokumentari proses menyelamatkan gajah liar dari kawasan konflik ke habitat baru oleh Jabatan Perhilitan.

Penasihat PROGRAM KESUKARELAWANAN *Lil' Elephant*, Nooraziah Abdul Ghaffar dari Pejabat Naib Canselor berkata, penganjuran kali ini melibatkan penyertaan mahasiswa termasuk dari luar negara bersama penduduk setempat bagi menjayakan inspirasi universiti dalam

memasyarakatkan universiti.

"Selain berdepan dengan pengalaman baharu, mahasiswa dapat mengeratkan hubungan silaturahim dengan penduduk kampung dan mahasiswa universiti dengan mengadakan aktiviti termasuklah bergotong-royong membersihkan kandang gajah dan kawasan pusat pemeliharaan," katanya.

Bagi Pengarah Program, Muhammad Nazrul Haffiz Mohd. Bahrudin, pengalaman mendekati gajah, memberi makan gajah dan memandikannya suatu pengalaman yang menarik buat mahasiswa.

Mereka juga dapat menyaksikan pertunjukan gajah pentas dan tayangan video informasi gajah liar serta menambah pengetahuan melalui sesi penerangan yang diberikan oleh staf bertugas.

Dalam meningkatkan kesedaran mengenai penghijauan dan menjaga alam sekitar pada masa yang sama turut diadakan program menanam pokok buah-buahan termasuk pokok rambutan dan nangka madu di kawasan ini.